



## **MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan  
Te : 50-4563410/20 Fax : 05-4563430/40

### **NO. SEBUT HARGA : MDTM/SH/BTMPR/01/2021**

1. Tawaran / Sebutharga adalah dipelawa kepada mana-mana Kontraktor/Pembekal Bumiputera dalam Perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan Bidang, Sub dan Pecahan 210101, 210102, 210103, 210104, 20105 atau 20106 untuk mendapatkan sebutharga seperti berikut :-

### **SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBEKALAN KOMPUTER DAN PENCETAK DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

2. Dokumen Sebut Harga boleh diambil di Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Tanjong Malim.

**TARIKH IKLAN** : **29 JUN 2021 (SELASA)**  
**TARIKH TUTUP** : **06 JULAI 2021 (SELASA)**

3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan berlakri, bertulis nombor dan tajuk sebutharga ke Majlis Daerah Tanjong Malim tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup dan dimasukkan ke peti sebutharga di Majlis Daerah Tanjong Malim, Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

4. Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) tidak akan terikat menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongan tidak akan dikembalikan.

5. Walaubagaimanapun, kenyataan sebutharga ini **mengambil kira tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)/ Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/ Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** yang sedang berkuatkuasa dan sekiranya terdapat **sebarang perubahan masa atau tarikh pembelian dokumen tawaran dan juga tarikh tutup iklan** akan dimaklumkan melalui laman web rasmi MDTM dari masa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini, sila hubungi talian MDTM 05-4563410 / 05-4563438 (Muhammad Fitri bin Abd Barri).

**Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan**

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

- 1. Keadaan Barang**  
Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 2. Harga**  
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan
- 3. Sebutharga Sebahagian**  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
- 4. Barang Setara**  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
- 5. Persetujuan**
  - (i) MDTM tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga, dan
  - (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebutharga yang berasingan
- 6. Pemeriksaan**
  - (i) MDTM sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
  - (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki

- 7. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi**  
Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini
- 8. Penolakan**
- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebutharga boleh ditolak.
  - (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang hendak ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MDTM segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
  - (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.
- 9. Pengiklanan**  
Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Dipertua, MDTM terlebih dahulu.
- 10. Pengiklanan**  
Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya
- 11. Insurans**  
Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.
- 12. Sub-Sewa Dan Menyerahkan Hak Kerja**  
Pembekal tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada mana-mana Pembekal. Pembekal tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Pesanan Kerajaan ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada Pegawai Pemeriksa.

**13. Penolakan Bahan, Barang Dan Mutu Hasil Kerja Oleh Pegawai Pemeriksa**

13.1 Pegawai Pemeriksa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Pembekal hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Pemeriksa, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Pembekal sendiri.

13.2 Pembekal hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

14. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan
15. Tawaran Sebutharga yang dimasukkan ini juga dianggap telah mengambil kira segala kesulitan, pembiayaan atau risiko yang mungkin dtanggung oleh Pembekal kerana mematuhi atau ketegasan pihak Majlis Daerah Tanjong Malim menguatkuasakan peraturan-peraturan, tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan di dalam Dokumen Sebutharga ini.
16. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke pejabat,

**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM  
PETI SURAT 59,  
35900 TANJONG MALIM,  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**Atau,**

**Pegawai dirujuk :**

**Bahagian Teknologi Maklumat,  
Majlis Daerah Tanjong Malim.**

## **ARAHAN KEPADA PEMBEKAL**

1. Majlis Daerah Tanjong Malim berhak menolak dan menggugurkan mana-mana pembekal yang didapati :-
  - Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan
  - Sukar dibaca dan difahami
  - Borang Sebut Harga yang tidak lengkap
  - Tidak mengikut atau melanggar peraturan Sebutharga (tidak mematuhi syarat-syarat membuat Sebutharga yang dinyatakan dalam Borang Sebutharga MDTM
  - Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan
  - Tidak menulis nama, alamat dan maklumat pembekal
  - Tulisan dalam pensil
2. Cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada harga / kadar harga. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.
3. Pembekal hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan sebelum mengisi kadar harga.
4. Pembekal hendaklah meletakkan harga / kadar harga dalam ruang yang ditetapkan sahaja. Tulisan hendaklah jelas, mudah dibaca dan difahami.
5. Alamat yang ditulis perlulah alamat yang daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah dimaklumkan berkenaannya.
6. Sebarang pertanyaan atau masalah hendaklah menghubungi :-

**Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)  
No. Telefon : 05-4563437 atau 05-4563438**

7. Penyerahan dokumen Sebutharga berupa sampul surat berlakri mengandungi borang Sebutharga dan bertulis nombor fail dan bilangan Sebutharga di luar sebelah kiri sampul surat dan sekiranya dimasukkan sendiri ke dalam peti Sebutharga atau melalui pos hendaklah di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan**